



"IDULADHA : BERKORBAN DENGAN PENUH KEIKHLASAN"

| | |
|---|----------|
| <p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> | <p>1</p> |
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿١٠٦﴾</p> | <p>2</p> |
| <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p> | <p>3</p> |
| <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ وَالَاهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ!، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> | <p>4</p> |
| <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p> | <p>5</p> |
| <p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> | <p>6</p> |
| <p>Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian, Marilah sama-sama kita tingkatkan iman dan pengorbanan kepada Allah dan agar kita dapat mencapai darjat dikalangan orang-orang yang mulia dan bertaqwa di sisi Allah.</p> | <p>7</p> |
| <p>Khutbah IdulAdha pada pagi yang berbahagia ini menjelaskan kepada kita konsep "BERKORBAN DENGAN PENUH KEIKHLASAN".</p> | <p>8</p> |
| <p>Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian, IdulAdha adalah hari perayaan ibadah yang dikurniakan Allah kepada umat Islam. Ianya hendaklah disambut dengan penuh keinsafan dan kerendahan hati sebagai tanda kesyukuran</p> | <p>9</p> |



| | |
|--|----|
| seorang hamba kepada Khaliknya. Iduladha hendaklah disambut selaras dengan tuntutan syarak iaitu dengan solat Iduladha, bertakbir, bertahmid, bertasbih, bertahlil dan menyembelih binatang korban. Ianya sebagai syiar pengabdian seorang hamba yang bersyukur dengan penuh ikhlas kepada Allah SWT. | |
| | 10 |
| <p style="text-align: center;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> | |
| Kaum muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah, Pada saat ini jutaan umat Islam dari seluruh pelusuk dunia sedang bergerak dari Arafah menuju ke Muzdalifah, kemudiannya akan menuju Mina untuk melontar di tiga jamrah. Selepas itu mereka akan bergerak ke Makkah untuk mengerjakan Tawaf Ifadah (طَوَافِ إِفَادَةٍ) dan mengerjakan Sa'ie Haji. Setelah selesai Sa'ie mereka akan bertahallul bagi menyempurnakan ibadah Haji. Disamping itu mereka juga mengerjakan ibadah korban sebagai melaksanakan tuntutan sunat Muakkadah semasa berada di tanah suci Makkah. | 11 |
| Kita sama-sama mendoakan agar mereka mendapat pahala haji yang mabrur, pulang ketanah air dengan iman yang kukuh dan meneruskan amal ibadah dengan penuh keikhlasan tanpa jemu dan bosan, bahkan sentiasa berkobar-kobar menaruh harapan untuk bertemu dengan Allah SWT pada suatu waktu yang dijanjikan tanpa kebimbangan dan keresahan. | 12 |
| Muslimin dan muslimat yang dikasihi Allah sekalian, IdulAdha adalah hari kebesaran Islam yang cukup bersejarah. Sejarah pengorbanan yang penuh keikhlasan daripada dua orang Rasul iaitu Nabi Ibrahim AS dan putranya Nabi Ismail AS. Kepatuhan dan ketaatan mereka melaksanakan perintah Allah SWT kerana dengan penuh keyakinan akan memperoleh kebaikan daripadanya. | 13 |
| Allah SWT telah menukulkan perintah-Nya itu melalui firman-Nya pada ayat 102 dalam surah As-Soffat: | |
| <p style="text-align: center;">فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئِي إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْنُحُكَ فَأَنْظِرْ مَاذَا تَرَى^ع قَالَ يَتَأْتِ أَفْعَلًا مَا تُؤْمَرُ^ط سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ</p> | 14 |
| <i>"Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insyaAllah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".</i> | 15 |
| | 16 |
| <p style="text-align: center;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> | |
| Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah, Sejarah yang berlaku keatas kedua-dua orang Rasul itu memperlihatkan contoh pengorbanan yang hakiki bagi mencapai keredhaan Allah SWT dalam menjalani kehidupan. Umat Islam sewajarnya mengambil iktibar pengorbanan kedua orang insan itu dalam menunaikan apa Mensyukuri atas segala nikmat kurniaan Allah SWT jua perintah yang datang dari Allah SWT. dengan malakukan amal ibadah setulus ikhlas hanya ditujukan kepada-Nya. | 17 |
| Menunaikan amanah kepada mereka yang berhak seperti mana yang dikehendaki oleh-Nya. Menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah Allah seperti mana yang diwajibkan oleh-Nya. | 18 |
| Hakikatnya sebagai hamba Allah kita diperintah untuk patuh dan taat serta menyerah diri kepada-Nya dalam semua urusan . Kita disuruh mengikut contoh yang dibawa oleh Rasul-Nya | 19 |



| | |
|---|----|
| dengan tidak ada sebarang helah dan dalih, dengan tidak ada sebarang keraguan dan ketakutan. | |
| Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 112: بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ | 20 |
| "Bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita". | 21 |
| اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. | 22 |
| Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah, IdulAdha yang kita sambut dengan ucapan: | |
| لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ | 23 |
| "Tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan kami mengabdikan diri melainkan hanya kepada-Nya, dengan ketaatan setulus hati walaupun dibenci oleh orang-orang kafir". | 24 |
| Kalimah tauhid yang tersusun tersebut merupakan pernyataan jelas sikap orang beriman untuk mensucikan akidah mereka agar bersih dari mensyirikkan-Nya. Ini membawa maksud hanya hukum hakam yang diturunkan oleh Allah sahaja yang wajar didaulatkan. Hanya sistem kehidupan yang di turunkan melalui syariat Islam sahaja yang wajar menjadi amalan. | 25 |
| Hanya pengajaran dari Rasul utusan-Nya sahaja yang wajar menjadi contoh ikutan. Kalimah tauhid yang dikumandangkan bukan hanya semata-mata ucapan biasa tetapi biarlah ianya ucapan yang ikhlas lahir dari hati yang penuh keinsafan dan kesedaran untuk mendaulatkan segala arahan Yang Maha Agung agar kita tidak kecundang di hari Pembalasan. Pernyataan dan penegasan bahawa kita umat Islam sewajarnya Istiqamah terus berjihad dalam memastikan hak Allah SWT terlaksana walaupun ia di benci oleh golongan kafir musyrikin. | 26 |
| Hadis daripada Sufyan Bin Abdullah RA bahawa beliau bertanya kepada Rasulullah SAW: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرَكَ، قَالَ: قُلْ: آمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقَمَّ | 27 |
| "Saya pernah berkata, "Wahai Rasulullah SAW, katakanlah kepada saya dalam agama Islam suatu perkataan yang tidak perlu saya tanyakan tentangnya kepada orang lain selain tuan. Baginda SAW menjawab, katakanlah "Saya beriman kepada Allah, kemudian beristiqamahlah". (Riwayat Muslim). | 28 |
| Muslimin dan muslimat yang berbahagia, Keinsafan yang mendalam hendaknya terjelma melalui takbir yang kita kumandangkan mulai selepas solat Subuh pada 9 Zulhijjah hinggalah selesai solat Asar pada 13 Zulhijjah. Gema takbir itu diharap mampu menggerakkan jiwa kita untuk sama-sama mengamal dan mengimani sistem Islam yang syumul yang di turunkan oleh Allah SWT. Kita sama-sama yakin | 29 |



| | |
|---|----|
| <p>akan dapat membina kehidupan bertunjangkan sistem Islam itu. Sebaliknya segala prasangka buruk jika sistem Islam dilaksanakan akan menimbulkan huru hara, persengketaan, merampas hak orang bukan Islam, dan meragui akan lahirnya kesejahteraan yang di jamin oleh Islam, hendaklah di buang jauh-jauh kerana ia boleh merosakkan akidah dan keimanan seseorang Islam itu.</p> | |
| <p style="text-align: center;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> | 30 |
| <p>Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah, Hari demi hari umat Islam dihadapkan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan bagi menegakkan kalimah Allah, menjalani hidup berlandaskan syariat Allah dan hidup berakhlak dengan berpandukan Al- Quran. Umat Islam sentiasa sahaja di sogokkan dengan pelbagai ajaran sesat yang menggunakan pelbagai jenama Islam, diasak dengan serangan pemikiran yang sekular, disajikan dengan pelbagai hiburan yang melampau dan melalaikan, dan pelbagai bentuk munkar dan maksiat atas nama seni, amal dan kebajikan. Semua perkara tersebut memerlukan kita sebagai umat Islam supaya sentiasa berhati-hati dan waspada agar tidak terjebak dengan perangkap samar yang di pasang oleh musuh-musuh Islam.</p> | 31 |
| <p>Mudah-mudahan zikir dan takbir sepanjang IdulAdha ini akan meningkatkan kesedaran kita ke arah membina kehidupan yang lebih baik dan rela berkorban dengan penuh kesabaran untuk beramal dengan segala perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya dengan penuh keikhlasan.</p> | 32 |
| <p>Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah, Antara tindakan dan langkah-langkah yang perlu kita laksanakan adalah;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam hendaklah sentiasa bermuhasabah tentang akidah dan keyakinan kita terhadap keagungan dan kebesaran Allah SWT yang mengurniakan kepada kita segala nikmat nya terutama ajaran Agama Islam. 2. Umat Islam di seru supaya sentiasa berhati-hati terhadap ancaman musuh Islam yang terus menerus berusaha untuk menyelewengkan ajaran umat Islam dari menjadi ikutan dan pegangan yang kukuh dalam kehidupan. 3. Umat Islam hendaklah sentiasa menghayati ajaran Islam yang syumul bukan hanya memilih-milih mengikut selera dan kemahuan nafsu bagi kepentingan peribadi mahupun keuntungan duniawi. | 33 |
| <p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَخَرْنَا ﴿٢﴾ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾</p> | 34 |
| <p><i>"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) sebuah telaga di syurga. Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur). Sesungguhnya orang yang membencimu, dialah yang terputus (daripada rahmat dan kebaikan)".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Kausar:1-3).</i></p> | 35 |
| <p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 36 |



| | |
|---|----|
| <p style="text-align: right;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> | 43 |
| <p>Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah, Dalam kita mengerjakan ibadah korban, kita diperintahkan memilih binatang ternak yang paling baik untuk kita korbankan kerana Allah SWT. Binatang yang terlalu kurus, cacat atau sakit tidak boleh dibuat korban, kerana Allah adalah Tuhan yang maha indah lagi maha baik dan tidak akan menerima daripada hamba-Nya melainkan sesuatu yang baik. Dikala menyembelih binatang korban pula, kita disunatkan menyebut بِسْمِ اللَّهِ اللَّهُ أَكْبَرُ sebagai mengagungkan Allah dan bersyukur di atas kurniaan rezeki-Nya.</p> | 44 |
| <p>Dan setelah selesai menyembelih hendaklah berdoa ;</p> | 45 |
| <p style="text-align: right;">اللَّهُمَّ مِنْكَ وَإِلَيْكَ، اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ</p> <p>Muslimin dan muslimat yang berbahagia, Daging binatang korban pula hendaklah diambil sebahagiannya untuk dimakan oleh orang yang berkorban dan keluarganya, sebahagian lagi disedekahkan kepada fakir miskin; manakala sebahagian yang lain pula dihadiahkan kepada sanak saudara atau jiran tetangga. Semoga Allah menerima ibadah korban kita semua dan menggolongkan kita dari kalangan hamba-hambanya yang benar-benar bertakwa.</p> | 46 |
| <p style="text-align: right;">إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p> | 47 |
| <p style="text-align: right;">اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.</p> | 48 |
| <p style="text-align: right;">اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَنْصِرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ.</p> | 49 |
| <p style="text-align: right;">اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ عِبَادَكَ الْمُؤْمِنِينَ.</p> | 50 |
| <p style="text-align: right;">اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.</p> <p style="text-align: right;">اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُكَ مِنَ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدَرَكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ.</p> | 51 |



| | |
|---|-----------|
| <p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَىٰ وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَىٰ أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p> | <p>52</p> |
| <p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُؤَلِّيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاجَلَالِ وَإِكْرَامِ.</p> | <p>53</p> |
| <p>اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ.</p> | <p>54</p> |
| <p>رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ، يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.</p> | <p>55</p> |
| <p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> | <p>56</p> |